



KETUA PENGARAH
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Director General
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8870 4006
Faks : 03- 8889 5490
Emel : ismail@dof.gov.my
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

KENYATAAN MEDIA KETUA PENGARAH PERIKANAN MALAYSIA

SEMPENA LAWATAN RASMI KE PROJEK TERNAKAN DAN PEMROSESAN UDANG LKPP CORPORATION, PEKAN, PAHANG

1. Pada tahun 2014, industri akuakultur telah menyumbang sebanyak 520.5 ribu tan metrik pengeluaran ikan negara (36% daripada sasaran yang ditetapkan). Daripada jumlah ini, pengeluaran udang adalah sebanyak **67,807 tan metrik bernilai RM1.5 Bilion (sumbangan 12.9% kepada kuantiti pengeluaran akuakultur 2014)**
2. Industri ternakan udang laut di negara ini melibatkan kira-kira 1,200 orang penternak udang, 40 buah hatcheri pembenihan udang dan 15 buah kilang pemprosesan. Pada tahun 2014 produk tersebut menyumbang kira-kira RM1.3 bilion atau 45% daripada jumlah eksport perikanan. Selain daripada memenuhi keperluan kilang pemprosesan, ladang ternakan udang memasarkan hasil ternakan ke pasar basah melalui pemborong. Dianggar sebanyak 40,000 tan metrik udang daripada akuakultur memasuki pasaran basah domestik setiap tahun.
3. **Jangkitan penyakit adalah risiko utama dalam ternakan udang.** Pada tahun 2010, industri udang Negara telah mula dilanda dengan wabak penyakit *Early Mortality Syndrome* (EMS) atau *Acute Hepatopancreas Necrosis Disease* (AHPND) yang mana telah hampir melumpuhkan pengeluaran udang di peringkat antarabangsa terutamanya di Asia Tenggara. Berbagai usaha telah dilaksanakan

oleh pihak berkepentingan untuk mengatasi masalah tersebut bagi mengelakkan kejatuhan industri pengeluaran udang Negara. Satu lagi penyakit udang telah dikesan dalam udang yang berpotensi untuk memberi impak yang sama seperti EMS/AHPND iaitu *Enterocytozoon Hepatopenaie* (EHP).

4. Jabatan Perikanan Malaysia di bawah Program *Agriculture Residue Monitoring* (ARMP) dan Sanitari dan Fitosanitari Akuakultur (SPS Akuakultur) telah menjalankan program pemantauan antibiotik di peringkat ladang bermula tahun 2008 sehingga sekarang. Persampelan dijalankan ke atas sampel-sampel udang dan ikan untuk memantau kandungan antibiotik iaitu *chloramphenicol* (CAP), *Nitrofuran* (NF) dan *Nitroimidazole* (NI). Sebanyak 2,466 sampel yang telah diambil bagi tempoh 2008 hingga sekarang dan dianalisa di makmal Biosekuriti Perikanan yang telah mendapat pensijilan ISO dan **didapati tiada bahan antibiotik terlarang yang dikesan dan kesemuanya adalah negatif antibiotik.**

5. Program ARMP tertumpu kepada ladang-ladang yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia, ladang-ladang ternakan yang mengeksport ke negara EU dan wajib mempunyai sijil *Fish Quality Certificate* (FQC). Program ini dijalankan juga terhadap ladang-ladang ternakan yang berskala komersial yang mempunyai pasaran eksport ke luar negara dan mempunyai sijil *Malaysia Good Agricultural Practices* (MyGAP) serta terlibat dengan projek NKEA.

6. Begitu juga dengan Program *Sanitary and Phytosanitary* Akuakultur (SPS Akua) yang turut dijalankan ke atas ladang-ladang yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia, ladang-ladang yang mempunyai sijil *Malaysia Good Agricultural Practices* (MyGAP), ladang-ladang yang mempunyai pasaran ke negara US serta negara-negara lain dan juga pasaran domestik.

7. Negara luar seperti Australia telah mengiktiraf peranan Jabatan Perikanan Malaysia untuk mengeluarkan Sijil Kesihatan Ikan termasuk hasil ikan yang hendak diekspor ke Australia.

8. Pihak *Agri-Food & Veterinary Authority of Singapore* (AVA) melalui kenyataannya melalui media *Malay Mail* bertarikh 27 Mei 2016 juga telah memaklumkan undang yang diimport dari Malaysia tidak pernah dikesan mengandungi *chloramphenicol* (CAP), *Nitrofurantoin* (NF). Pada tahun 2015, 56% iaitu sebanyak 9,100 tan metrik undang diimport dari Malaysia samada dalam bentuk hidup, sejuk segar dan sejuk beku. Pihak AVA menjalankan pengambilan sampel rutin bagi memastikan konsainan dipantau dan mematuhi syarat import Singapura.

9. Pihak MOA akan mengadakan bengkel bersama MITI dan MOH berkaitan kuasa pengeluaran Sijil Tempasal (*Certificate of Origin*) terhadap hasil ladang akuakultur tempatan sahaja tidak termasuk sumber yang diimport. Setiap ladang yang membekalkan ikan dan hasil ikan kepada pengeksport, didaftarkan dan diletakkan dibawah pemantauan jabatan sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

10. Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020 bagi sub-sektor perikanan pula, tumpuan diberikan untuk memesatkan lagi pembangunan industri akuakultur khususnya melalui Program *National Key Economic Areas* (NKEA) yang diperkenalkan dalam RMKe10.

11. Sasaran Baru Pengeluaran Akuakultur di bawah DAN menjelang tahun 2020 adalah berjumlah **1.443 juta tan metrik** dengan sumbangan akuakultur air tawar sebanyak 313,320 tan metrik, akuakultur air payau sebanyak 400,000 tan metrik (**180,000 tan metrik darinya adalah udang laut**) dan komoditi rumpai laut sebanyak 730,000 tan metrik.

12. Jabatan Perikanan telah menyediakan Pelan Tindakan bagi menggalakkan pembangunan akuakultur ke arah mencapai 50 peratus daripada jumlah pengeluaran ikan negara menjelang tahun 2020.

13. Sasaran ini telah dijadikan salah satu inisiatif utama di bawah Program Transformasi Agromakanan bagi memastikan sub-sektor perikanan terus menyumbang kepada kecukupan bekalan makanan negara, meningkatkan pendapatan pengusaha dan menjadikan bidang agromakanan sebagai perniagaan yang berdaya saing dan mampan. Pada tahun 2014, industri akuakultur telah menyumbang sebanyak 520.5 ribu tan metrik pengeluaran ikan negara (36% daripada sasaran yang ditetapkan). Daripada jumlah ini, pengeluaran udang adalah sebanyak **67,807 tan metrik bernilai RM1.5 Billion (sumbangan 12.9% kepada kuantiti pengeluaran akuakultur 2014).**

+ tamat +

DATUK HAJI ISMAIL ABU HASSAN
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
PEKAN, PAHANG

3 Jun 2016 (Jumaat)